

**PEJABAT BENDAHARI  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

---

UTHM/PB/100–6/4/1 (11)

Tarikh: 12 September 2008

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 / 2008**

Semua Pengurus Bahagian  
*Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

YBhg. Dato'/ Prof./ Tuan/ Puan,

**PINDAAN KEPADA PEKELILING BENDAHARI BIL. 8/2008 MENGENAI LANGKAH UNTUK  
MENGURANGKAN PERBELANJAAN AWAM DI UTHM**

**1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan persetujuan Universiti Untuk Menerima Pakai Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4/2008 Berkennaan Pindaan Kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9/2008 Mengenai Langkah Untuk Mengurangkan Perbelanjaan di UTHM.

**2.0 LATARBELAKANG**

- 2.1 Melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9/2008 mengenai Langkah Untuk Mengurangkan Perbelanjaan Awam, antara syarat yang ditetapkan adalah penggunaan kemudahan hotel hanya dibenarkan bagi mesyuarat/ persidangan/ seminar/ bengkel antarabangsa manakala semua kursus, latihan dan bengkel yang dianjurkan oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi untuk anggotanya hendaklah diadakan menggunakan kemudahan sedia ada termasuk Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) atau kemudahan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi lain.
- 2.2 Pihak Universiti melalui Pekeliling Bendahari Bil. 8/2008 telah menerima pakai Garis Panduan Bagi Perbelanjaan Secara Berhemat Dan Langkah-Langkah Untuk Mengurangkan Perbelanjaan di UTHM Pekeliling yang berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7/2008 Dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9/2008.

**3.0 KAEDAH PERLAKSANAAN**

- 3.1 Melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4/2008 tersebut, kerajaan telah mempertimbangkan dan bersetuju untuk membenarkan semula penggunaan kemudahan hotel tertakluk kepada jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk tujuan tersebut.

- 3.2 Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab semua Pengurus Bahagian/ Ketua Jabatan/ Ketua Pusat dan semua staf UTHM untuk memastikan perbelanjaan yang berbangkit adalah terkawal dan dianjurkan secara sederhana serta mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa.
- 3.3 Oleh itu, dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, perenggan 3.7 Pekeliling Bendahari Bil. 8/2008 adalah dibatalkan.

#### **4.0 KUATKUASA PEKELILING**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4/2008 dikeluarkan.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

#### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar



**ABU BAKAR BIN HUSSAIN**

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

 7050

- s.k      -    YBhg. Pemangku Naib Canselor  
          -    YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)  
          -    YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Pengantarabangsaan)  
          -    Ketua Unit Audit Dalam

***Universiti Tun Hussein Onn Malaysia***